

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI HASANUDDIN BIN
MOHD YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 13 JULAI 2020

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan akan melantik skim-skim profesional seperti doktor (U), jurutera (J) dan guru (DG) sebagai Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) di Kementerian berkenaan berdasarkan prestasi mereka yang sangat memberangsangkan seperti yang ditunjukkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kecemerlangan pegawai-pegawai daripada skim-skim profesional dan teknikal seperti doktor (U), jurutera (J) dan guru (DG) diiktiraf menerusi peluang kenaikan pangkat sehingga ke peringkat tertinggi iaitu sebagai Ketua Perkhidmatan masing-masing. Sebagai contoh bagi jawatan Ketua Perkhidmatan Kesihatan, gred jawatan pegawai adalah lebih tinggi daripada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pengiktirafan ini diberikan bersesuaian dengan bebanan dan deskripsi tugas pegawai serta memastikan kebolehan pegawai dalam bidang dan kepakaran teknikal masing-masing dapat dipraktikkan secara optimum.

Sekian, terima kasih.